

14 MAR 1996

AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini berangkat menghadiri mesyuarat ke-172 Majlis Raja-Raja di Bangunan Parlimen di sini.

Seri Paduka diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam dipengerusikan Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah.

Semua raja berangkat hadir kecuali Raja Perlis, Sultan Selangor dan Sultan Johor yang masing-masing menghantar wakil.

Perlis diwakili oleh Raja Muda, Selangor Tengku Bendahara dan Johor Tengku Mahkota. Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka turut hadir.

Menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri mengiringi ketua negeri masing-masing kecuali Sarawak yang diwakili Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr Wong Soon Kai.

Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai dasar negara, perlantikan dan isu agama. -- BERNAMA

NZ NMO